



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016



UiTM institusi pendidikan tersohor negara

→ Bersempena Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA Ke-85

Sejak ditubuhkan 60 tahun lalu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjaya memainkan peranannya sebagai universiti yang membela nasib dan memberi peluang kepada anak bangsa untuk menimba ilmu, demi meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi setaraf dengan bangsa lain.

Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said, berkata melalui UiTM juga, nasib berpuluh ribu anak Melayu dan Bumiputera terbela daripada keciciran dalam pelajaran.

"Hal ini boleh dilihat sejak 1958 sehingga April 2016, UiTM telah melahirkan seramai 661,456 graduan dan kini jumlah itu akan terus bertambah dengan bergraduatnya lagi seramai 25,720 graduan bagi sesi Konvokesyen UiTM ke-85 kali ini.

"Daripada jumlah itu, seramai 58,118 graduan (akauntan); pengatur cara dan ahli matematik (27,367); arkitek dan perancang ukur (26,993); jurutera (21,420); peguam (7,060), ahli farmasi

(2,457), doktor perubatan (1,077) dan doktor gigi (746)," katanya dalam suatu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Pencapaian membanggakan

Selain itu, katanya, UiTM sentiasa mengiktiraf pencapaian dan juga kejayaan yang dikecapi oleh setiap pelajar termasuk dengan menganugerahkan 12 Anugerah Graduan Terbaik (AGT) kepada 13 pelajar pada istiadat konvokesyen kali ini.

Beliau berkata, dua anugerah tertinggi daripada 12 anugerah ialah Anugerah Kedoktoran Cemerlang Tuanku Canselor yang diberikan kepada Syahrul Imran Abu Bakar dan Anugerah Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor kepada Azwan Abdullah.

"Istiadat konvokesyen ini diadakan bagi meraikan satu lagi pencapaian yang membanggakan hasil keringat dan kesungguhan mahasiswa UiTM yang berjaya menamatkan pengajian mereka pada konvokesyen kali ini," katanya.

Melestari kejayaan

Dr Hassan berkata, pada istiadat konvokesyen kali ini, seramai 25,720 graduan akan menerima anugerah masing-masing dan daripada jumlah itu, 70 graduan akan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Ijazah Sarjana (1,243), Diploma Lulusan Ijazah (57), Ijazah Sarjana Muda (11,097), Profesional (153) dan gra-



Sejak enam dekad yang lalu, UiTM telah melahirkan ratusan ribu graduan yang sebahagian besarnya berjaya memegang jawatan profesional, memahat nama-nama besar dan menjadi ikon dalam pelbagai bidang"

**Prof Emeritus
Dr Hassan Said**
Naib Canselor UiTM



duan diploma (13,100).

Daripada jumlah itu, katanya, seramai 137 graduan bakal menerima PhD dan Ijazah Sarjana masing-masing pada sidang pertama yang akan berlangsung hari ini (22 Oktober).

"Semoga dengan kerjasama yang diberikan, UiTM akan terus melestari kejayaan demi melahirkan cendekia bangsa yang cemerlang serta bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Menggalas cabaran

"Sebagai sebuah universiti yang memupuk kesedaran dan membina kecemerlangan akademik bangsanya, UiTM menggalas cabaran besar untuk bersaing menjadi yang terkehadapan dengan institusi pengajian tinggi lain di dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata, atas kesedaran dan usaha itu, UiTM kini tetap utuh mengangkat taraf pendidikan anak bangsa khususnya Bumiputera ke satu tahap yang lebih tinggi, iaitu ke peringkat nasional bahkan ke persada dunia.

Katanya, pelbagai inisiatif yang diambil oleh UiTM sehingga ini telah menjadikan institusi kebanggaan Bumiputera ini berjaya mencapai kegemilangan sebagai institusi pendidikan terhebat negara.

"Pada hari ini, UiTM telah menjadi sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang cemerlang, gah berada di seluruh negara dengan memiliki lebih 500 program terbaik serta kekuatan barisan staf akademik dan pentadbiran melebihi 18,000 orang," katanya.



Info

Anugerah graduan terbaik UiTM 2016

→ **Anugerah Kedoktoran Cemerlang Tuanku Canselor**
Syahrul Imran Abu Bakar
Doktor Falsafah (Sains)

→ **Anugerah Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor**
Azwan Abdullah
Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Mekanikal

→ **Anugerah Pingat Emas Naib Canselor**
Mohd Adzhar Abdul Kahar
Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian)
Kejuruteraan Sistem Pintar

→ **Anugerah Tun Abdul Razak Ahmad Fauze Abdul Hamit**
Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian)
Kewangan

→ **Anugerah Cemerlang Tan Sri Arshad Ayub**
Muhammad Faiz Ahmad Mizan
Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)

→ **Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang)**
Adlina Atikah Amran
Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) (Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional)

→ **Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang)**
Aneesah Adam
Sarjana Muda Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran (Kepujian)

→ **Anugerah Cemerlang Pharmaniaga**
Aima Nabila Abdul Basid
Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)

→ **Anugerah Pingat Emas Yayasan Budiman UiTM**
Nurul Husna Hussin
Sarjana Muda Sains Pendidikan (Kepujian) Matematik

→ **Anugerah Cemerlang Alumni UiTM**
Siti Fatimah Azhani Idris
Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) Komunikasi Antarapersonal

→ **Anugerah Cemerlang Pingat Emas Tun Fatimah Hj Hashim**
Siti Zalipah Ibrahim
Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Hotel

→ **Anugerah Kempimpinan Cemerlang**
Nasrul Ali Hasan Abdul Latif
Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Aktuari

→ **Anugerah Hadiah Buku MTDC**
Iziana Yahya
Sarjana Sains (Penyelidikan)

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

